

PENGARUH KERIS DALAM BUDAYA KEHIDUPAN  
MASYARAKAT MELAYU

MOHD AZEDI BIN MAT JUSOH  
98414060

IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA LOGAM HALUS  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
TAHUN 2002/2003

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Halaman Pemeriksa	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iii
Senarai Sisipan	vii

### **BAB 1**

1 . – Pengenalan	1
1.1 – Definasi Keris	5
1.2 – Asal Usul Keris	6

### **BAB 2**

2 – Bahagian – Bahagian Keris Dan Proses Penghasilannya	8
2.1 – Bahagian – Bahagian keris	
2.2 – Proses Penghasilan Keris	12

### **BAB 3**

3 – Pengaruh Rupa Bentuk Keris Dan Pengertian Simbolik Di Sebaliknya .	15
3.1 – Bentuk Dan Corak Pada Keris .	
3.2 – Simbol Pada Keris Dan Pengertian Simboliknya .	18
3.2.1 – Pengertian Simbolik Di Sebalik Rupa Fizikal Keris .	

## **BAB 4**

4 – Kepercayaan Kepada Aspek Mistikal Pada Keris .	35
4.1 – Fungsi Keris Kepada Masyarakat Dahulu Dan kini .	37
4.1.1 – Fungsi Keris Sebagai Senjata .	
4.1.2 – Fungsi Keris Untuk Tujuan Pengubatan Atau Perbomohan .	38
4.1.3 – Fungsi Keris Sebagai Alat Kebesaran DiRaja .	39
4.1.4 – Fungsi Keris Sebagai Pelengkap Upacara Perkahwinan .	
4.1.5 – Fungsi Keris Sebagai Barang Perhiasan Atau Simpanan .	40

## **BAB 5**

5 – PENUTUP	41
-------------	----

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

## **PENGHARGAAN .**

Assalamualaikum w.b.t .

Bersyukur kehadiran ilahi kerana dengan keizinaNya maka penulis dapat juga menyiapkan tesis ini akhirnya . Harapan penulis semoga apa yang terkandung dalam tesis ini akan membantu atau memberikan sedikit sebanyak ilmu kepada semua pembaca .

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan tesis ini terutamanya para pensyarah di Jabatan Senireka Logam Halus yang memberi panduan serta dorongan untuk menyiapkan tesis ini .

Terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan – rakan semua yang membantu penulis semasa proses menyiapkan tesis ini , tidak lupa juga Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR 1) UiTM Shah Alam Selangor yang juga merupakan sumber bagi saya untuk mendapatkan rujukan . Semoga usaha mereka akan diberkati dan mendapat balasan oleh Allah s.w.t kelak .

Penghargaan ini juga ditujukan kepada keluarga serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang memberi sokongan serta semangat kepada penulis . Terima kasih diatas segala bantuan serta sokongan moral yang diberikan ini .

*MOHD AZEDI BIN MAT JUSOH .*

## **SINOPSIS .**

### **A ) Objektif .**

Dalam pengkajian ini , penulis memilih untuk membuat tajuk menenai paengaruh keris dalam budaya kehidupan masyarakat melayu . Penghasilan tesis ini juga adalah untuk mengetahui bagaimana senjata tradisional seperti keris ini dihasilkan oleh serta dapat menyelongkar apa yang tersirat di sebalik rupa bentuk keris ini sama ada melalui corak , bentuk hulu , sarung dan juga bilahnya dimana ia berkait rapat dengan masyarakat melayu dan mempengaruhinya .

Penulis juga ingin mendedahkan serba sedikit bagaimana proses keris dihasilkan oleh tukang pada zaman dahulu dimana ianya berbeza dengan hari ini . Proses penghasilan keris ini juga dikatakan antara senjata tradisional yang rumit penghasilannya .

Selain itu penulis ingin juga mendedahkan kepada masyarakat tentang pengaruh keris kepada masyarakat melayu dan juga fungsinya kepada masyarakat dari dulu hingga kini . Penulisan ini juga dapat mendedahkan maksud yang tersirat di sebalik rupa bentuk keris ini dan juga aspek mistikal pada keris , kerana masyarakat melayu pada zaman terdahulu amat mempercayai ianya akan mempengaruhi kehidupan seharian mereka . Disamping itu penulisan ini juga memberi sedikit sebanyak pengetahuan kepada masyarakat bahawa keris ini bukan sekadar digunakan sebagai senjata , malahan ianya mempunyai pelbagai fungsi yang lain . Dengan terhasilnya tesis ini penulis berharap agar ianya memberi sedikit sebanyak pengetahuan kepada semua pembaca .